

Kunci air gagal beroperasi


Nelayan berhadapan kesukaran turun cari rezeki

TANJONG KARANG - Indah khabar dari rupa. Mungkin inilah perumpamaan sesuai dikaitkan dengan projek kunci air terbaru dekat Jeti Parit Tiga, Sungai Burong yang bernilai hampir RM500,000 apabila gagal beroperasi tidak sampai tiga bulan projek siap. Lebih mendukacitakan, kegagalannya beroperasi memberi impak buruk kepada golongan nelayan di kawasan tersebut sehingga didakwa mengganggu periuk nasi. Luahan nelayan berhubung perkara itu rata-rata menyatakan rasa kesal kerana pandangan dan cadangan mereka berhubung projek kunci air berkenaan supaya dapat berfungsi lebih baik termasuk tidak menutup saluran air asal seolah-olah mencurahkan ke daun keladi.

Luahan mereka akhirnya menjadi rungutan berlarutan lantaran terpaksa menanggung kerugian kerosakan enjin kipas (sampam) yang bernilai ratusan ringgit setiap kali sampam tersangkut dalam timbunan pasir kesan dari ketiadaan benteng yang dibina seterusnya menenggelamkan pintu keluar-masuk kunci air tersebut.

Lebih beri tekanan, mereka mendakwa timbunan pasir menyebabkan air sungai menjadi cetek sehingga memaksa nelayan menolak sampam ke jeti. Kepayahan semakin berganda apabila waktu mencari ikan terpaksa diawalkan hampir dua jam semata-mata tidak mahu sampam terkandas di tengah sungai. Ekoran keadaan itu, pendapatan harian yang dahulunya boleh capai RM50 kini kurang menjadi RM20, mereka mendakwa penurunan pendapatan tersebut memberi tekanan lebih-lebih lagi kini terpaksa berdepan kenaikan harga barang runcit.

Sebagai mencari penyelesaian dan tidak hanya berpeluk tubuh, mereka mengambil inisiatif sendiri membina benteng pasir bagi



Nelayan terpaksa menolak sampam sejauh 100 meter ke jeti gara-gara sungai cetek akibat pasir.

menghalang pasir terus memasuki kawasan sungai. Namun, usaha tersebut hanya bertahan untuk tempoh tiga hari dan kembali berhadapan keadaan serupa.

Masih tunggu keputusan konkrit

Menyoroti kepayahan yang dihadapi, Sinar Harian meninjau pula harga jualan ikan di kawasan pengumpulan hasil laut dekat Jeti Parit Tiga, Sungai Burong, yang sekali gus membongkar tekanan dihadapi nelayan apabila terpaksa menjual hasil tangkapan pada harga lebih rendah kepada peraih dan penduduk setempat.

Seorang nelayan, Saiful Bahrin Ab Khair, 43, berkata, mereka tiada pilihan dan terpaksa menjual pada harga di takuk lama meskipun berdepan pelbagai masalah teknikal seperti pukut rosak, kipas enjin haus dan sampam rosak.

Sementara itu, Pengerusi

Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Selangor, Omar Ab Rahman berkata, masalah dihadapi nelayan di Jeti Parit Tiga berkenaan telah dilanjutkan kepada agensi berkaitan termasuk IADA (Pengurusan Projek Kawasan Pembangunan Bersepadu) Barat Laut Selangor dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor.

"Kita masih menunggu keputusan konkrit daripada agensi terbabit bagi memulihkan projek kunci air terlibat supaya berfungsi seperti yang dikehendaki penduduk setempat," katanya.

Cadang bina benteng sementara

Pengarah IADA Barat Laut Selangor, Elias Saad ketika ditemui melawat kawasan projek menjelaskan, struktur binaan kunci air tersebut tidak mempunyai masalah dan boleh berfungsi dengan baik namun disebabkan fenomena alam menyebabkan pintu

kunci air itu tertimbus.

"Ketika air pasang, ombak membawa naik pasir ke kawasan kunci air berikutan ketiadaan benteng. Keadaan itu lama-kelamaan menyebabkan pintu kunci air tertimbus sehingga gagal berfungsi sepenuhnya. Pihak IADA Barat Laut Selangor akan mempertimbangkan cadangan nelayan yang mahu pembinaan benteng sementara disegerakan. Perbincangan dengan JPS Daerah Kuala Selangor turut diadakan bagi mencari penyelesaian jangka panjang.

"Saya mohon kerjasama nelayan supaya bersabar sementara penyelesaian konkrit dicapai kerana kami sedia maklum ke-

Reaksi nelayan

Apabila saluran air asal ditutup dan dibuat saluran baru menyebabkan sungai sedia ada semakin cetek dan benteng pasir semakin hari semakin terhakis sehingga menenggelamkan keseluruhan pintu kunci air di bahagian sebelah sungai."

- Ismail Roslan, 42.

Harap benteng sementara dibina segera untuk elak hakisan bertambah teruk dan

mohon pihak berkaitan mempertimbangkan permohonan nelayan sejak dua tahun lalu yang mahu mendalamkan dasar sungai."

- Md Din Ismail, 65

Kemudahan kunci air itu bukan bantu kerja nelayan tapi memburukkan keadaan apabila perlu tanggung kos kerosakan enjin kipas bernilai ratusan ringgit. Keadaan sungai cetek memaksa nelayan tolak sampam ke jeti."


- Saiful Bahrin Ab Khair, 43

Jika tiada benteng dibuat dalam masa terdekat, tak mustahil projek ini akan jadi 'gajah putih' yang membazirkan duit rakyat. Tak sampai tiga bulan projek itu gagal beroperasi sempurna."

- Zamhri Hudri, 50



Struktur kunci air lama didakwa lebih sempurna berbanding kunci air baru.



INFO GRAFIK:

LAKARAN KEADAAN KUNCI AIR TERBARU



ILUSTRASI: SINAR HARIAN
OLEH: AIMA HASHIM